

# AL-HIKMAH

---

<b>Jilid</b>	<b>12</b>	<b>ISSN 1985-6822</b>	<b>2020</b>
<b>No.</b>	<b>2</b>		<b>1442</b>

---

- PENGGUNAAN BAHAN BANTU MENGAJAR BERTEKNOLOGI DALAM PENGAJARAN GURU TAHFIZ MODEL ULUL ALBAB (TMUA)...3-18  
*Muhd Zulhilmi Haron, Mohd Muslim Md Zalli, Siti Noor Aneeis Hashim, Ahmad Rusli Abdul Gani & Ismail Salleh*
- SUMBANGAN GURU PENDIDIKAN ISLAM DALAM AMALAN BIMBINGAN DAN KAUNSELING TERHADAP PELAJAR DAN RAKAN GURU DI SEKOLAH ...19-34  
*Ruslan Hassan, Farid Mat Zain, Kaseh Abu Bakar & Azmul Fahimi Kamaruzaman*
- TAHAP PENCAPAIAN HAFAZAN MURID TAHFIZ MODEL ULUL ALBAB (TMUA) SEKOLAH MENENGAH ...35-52  
*Siti Nurjanah Mastor Mustafa, Siti Aisyah Johan & Jimaain Safar*
- PENERIMAAN PENDEKATAN KEAGAMAAN DALAM PEMULIHAN BANDUAN DI PENJARA MALAYSIA ...53-74  
*Siti Jamiaah Abdul Jalil, 'Adawiyah Ismail, Abu Dardaa Mohamad, Nor Raudah Siren, Juwairiah Hassan, Khairul Hamimah Mohamad Jodi & Labiba Ahmad*
- FUNGSI RUNDINGCARA BAGI MENGUKUHKAN HUBUNGAN PASANGAN BERMASALAH DALAM PERKAHWINAN ...75-92  
*Mohamad Pairuz Suhairi Abdullah & Zainab Ismail*
- HUBUNGAN PAS DENGAN NON-MUSLIM DALAM PERSAINGAN POLITIK ISLAM DI MALAYSIA 1951-2020 ...93-114  
*Muhamad Faisal Ashaari, Nor Syuhada Roslan & Zulkefli Aini*
- PERANAN PUTERA RAJA DALAM TADBIR URUS MUGHAL: TUMPUAN TERHADAP AWRANGZIB ...115-136  
*Mohamad Zulfazdlee Abul Hassan Ashari, Mohd Roslan Mohd Nor, Ezad Azraai Jamsari, Md Yazid Ahmad & Noorsafuan Che Noh*

*Al-Hikmah 12(2) 2020: 19-34*

## Sumbangan Guru Pendidikan Islam dalam Amalan Bimbingan dan Kaunseling Terhadap Pelajar dan Rakan Guru di Sekolah

The Contribution of Islamic Education Teachers in the Practice of Guidance  
and Counselling to Students and Teachers in Schools

\*RUSLAN HASSAN  
FARID MAT ZAIN  
KASEH ABU BAKAR  
AZMUL FAHIMI KAMARUZAMAN

### ABSTRAK

Guru Pendidikan Islam (GPI) memainkan peranan yang penting dalam penglibatan setiap aktiviti yang dirancang oleh pengurusan sekolah. Guru bukan hanya memberikan fokus kepada pengajaran dan pembelajaran dalam kelas, tetapi perlu bergiat aktif dalam membantu pelajar dan rakan guru. Oleh itu, makalah ini membincangkan sumbangan GPI dalam amalan bimbingan dan kaunseling terhadap pelajar dan guru di sekolah. Kajian dilaksanakan secara tinjauan (survey) dan data dikumpulkan menerusi soal selidik dari 60 orang dari keseluruhan 200 GPI di daerah Petaling Utama Selangor. Kajian menunjukkan GPI memberi lima sumbangan yang paling tinggi kepada pelajar dan guru iaitu dari segi minat, sentiasa berjumpa, turut membantu, bekerjasama dan berbincang dengan pelajar dan guru. Justeru, penglibatan GPI dalam amalan bimbingan kaunseling di sekolah perlu diketengahkan dalam membantu kaunselor dan rakan-rakan guru untuk memudahkan pengurusan sekolah. Akhir sekali, implikasi kajian diperincikan agar GPI juga mampu memberikan sumbangan kepada bidang kaunseling sama ada secara langsung atau tidak langsung kepada organisasi sekolah dan bukan semata-mata mengharapkan peranan dari pihak kaunselor sahaja dalam pembentukan sahsiah pelajar.

**Kata kunci:** *Guru Pendidikan Islam, Bimbingan dan Kaunseling, Kaunseling Islam, Guru, Pelajar*

### ABSTRACT

Islamic Education Teachers (GPI) play an essential role in the involvement of every activity planned by the school management. Teachers in schools not only

focus on teaching and learning in the classroom, but also need to be active in helping students and fellow teachers. Therefore, this article discusses the contribution of GPI in the practice of guidance and counselling to students and teachers in schools. This study uses the method of survey and the data are obtained through questionnaires from 60 out of 200 teachers in the district of Petaling Utama Selangor. The study shows that the GPI gives the five highest contributions to students and teachers, namely in terms of interest, constant meeting, help, cooperate, and discuss with students and teachers. Thus, this study shows that GPI's involvement in the practice of counselling guidance in schools should be highlighted in helping counsellors and fellow teachers facilitate school management. Finally, the study's implications are detailed so that GPI is also able to contribute to the field of counselling either directly or indirectly to the school organisation and not merely expect the role of counsellors only in the formation of student personality.

**Keywords:** *Islamic Education Teacher, Guidance and counselling, Islamic Counselling, Teacher, Student*

## PENDAHULUAN

Bimbingan dan kaunseling merupakan satu perkhidmatan profesional yang dilakukan oleh seorang kaunselor yang berkelayakan dalam bidang kaunseling. Kaunseling merupakan satu ilmu bagi menolong, membantu dan membimbing orang mengenal dan membetulkan dirinya semula atau lebih tepat lagi bimbingan dan kaunseling adalah suatu proses pendidikan dan pembelajaran (Zaiton 2005; Khamariah 2005; Muhd Mansur 1986). Kesungguhan kerajaan untuk menjadikan kaunseling sebagai satu profesion di Malaysia tercapai apabila kerajaan meluluskan undang-undang berkaitan dengan Akta Kaunselor 1998 (Undang-Undang Malaysia 1998). Hasilnya hanya kaunselor yang berdaftar sahaja dibenarkan untuk menjalankan perkhidmatan kaunseling secara profesional dan menggunakan nama jawatan sebagai kaunselor. Namun demikian, seharusnya semua pendidik khususnya Guru Pendidikan Islam (GPI) mempunyai kemahiran yang baik dalam bidang kaunseling. Mereka sering menjadi sumber rujukan para pelajar Islam untuk menyelesaikan pelbagai masalah khususnya dalam perkara yang berkaitan dengan pendidikan, kerohanian, keagamaan, peribadi dan kekeluargaan.

Menurut Aziz (1993), Kamal (1995) dan Rizal (2009), kaunseling Islam bukan sahaja mencakupi soal-soal kejiwaan semata-mata tetapi turut merangkumi hal yang berhubung dengan ketuhanan, alam akhirat, dosa dan pahala, syurga, neraka, hari kiamat dan qadak dan qadar. Dengan ini, matlamat kaunseling Islam bukan sahaja untuk mendapat kesejahteraan hidup di dunia tetapi juga untuk kesejahteraan kehidupan hingga ke akhirat. Matlamat kaunseling ini sesuai dengan peranan guru yang bukan

sahaja sebagai *mu'allim*, tetapi perlu memberi tumpuan terhadap penguasaan ilmu pengetahuan dalam pelbagai aspek kemahiran dalam pembentukan akhlak pelajar.

GPI juga tidak terlepas daripada melibatkan diri dalam mempraktikkan amalan bimbingan dan kaunseling ini sama ada secara langsung atau tidak walaupun pada asasnya ia bukan bidang bagi seorang GPI. Justeru, artikel ini bertujuan untuk mengetengahkan sumbangan GPI dalam amalan bimbingan dan kaunseling terhadap pelajar dan rakan guru di sekolah. Secara lebih terperinci tujuan kajian ini ialah untuk mengkaji sejauh manakah sumbangan GPI dalam amalan bimbingan dan kaunseling terhadap pelajar dan rakan guru di sekolah.

## TINJAUAN LITERATUR

Dewasa ini muncul pelbagai isu mengenai sahsiah pelajar di sekolah yang mendatangkan kesan negatif kepada profesion keguruan amnya, dan GPI khususnya. Beberapa kajian lepas menunjukkan pelajar Islam terjebak dengan fenomena gejala sosial, keruntuhan akhlak dan sahsiah yang dikatakan mempunyai kaitan rapat dengan peranan GPI (Syafiqah Solehah & Tengku Sarina 2017). Sehubungan dengan itu perbincangan turut melibatkan beberapa permasalahan dan cabaran yang timbul dalam merealisasikan peranan dan sumbangan GPI dalam memberi bimbingan dan kaunseling terhadap pelajar dalam membina personaliti dan akhlak pelajar. Menurut Amla Salleh (2009), dalam melaksanakan amalan bimbingan dan kaunseling GPI sewajarnya mempunyai kemahiran dalam memberi bimbingan dan kaunseling kepada pelajar untuk menambat hati klien. Strategi ini digunakan untuk membina hubungan, mengumpul maklumat, mengembangkan dan meningkatkan hubungan serta membantu klien membuat keputusan dan seterusnya melakukan tindakan.

Berdasarkan kajian lepas, ada banyak faktor yang menyebabkan pelajar mendapatkan perkhidmatan kaunseling sama ada dengan kaunselor atau guru akademik biasa. Antaranya ialah latar belakang demografi guru kaunseling, pengetahuan tentang perkhidmatan kaunseling, sikap dan personaliti guru kaunseling, kerahsiaan sesi kaunseling, serta kelengkapan fizikal dan suasana di bilik kaunseling yang begitu baik. (Mohamed Ghazali 2002; Yusfarina 2002; Mashudi 1998; Yong Gan Chok 2003; Liew Keat Ying 2001, Mohd Sani 2019; Rosnijah dan A'dawiyah 2019). Menurut Yuseri (2003), lebih 90 peratus responden bersetuju bahawa GPI mempunyai keperibadian yang baik dan menjadi contoh teladan kepada mereka. Ini mendorong mereka untuk lebih mendalami agama Islam dan berkongsi masalah dengan GPI. Begitu juga dengan kajian Rosnijah dan

A'dawiyah (2019) yang mendapati GPI memberi bimbingan dan kaunseling Islam terhadap pelajar dengan mendapat skor yang tertinggi iaitu 55.8 peratus.

Kajian Ab Halim et al. (2004) dan Zahariah Aiyub (2005) telah mendedahkan ketidakupayaan sesetengah GPI dalam membentuk diri mereka selaku pembimbing dan role model kepada pelajar. Implikasi daripada semua kajian ialah GPI perlu menghayati peranan mereka yang sebenar dalam mendidik pelajar supaya pelajar mereka menjadi generasi yang berakhlak mulia. Apatah lagi GPI mempunyai pengaruh yang sangat kuat dalam pembentukan diri pelajar (Zaharah 2005; Sofiah Mohamed et al. 2016; Rosnijah & A'adawiyah 2019).

Menurut Syafiqah Solehah dan Tengku Sarina (2017), penampilan, komunikasi, tingkah laku dan emosi GPI juga memainkan peranan yang penting sebagai motivasi pelajar dalam pembangunan akhlak mereka untuk bertemu GPI. Ini bermakna pelajar menunjukkan keperluan yang masih tinggi kepada bantuan untuk mengikis semua tabiat buruk yang ada pada diri mereka, mengetahui mengenai cara-cara untuk menjalankan ibadat, belajar mengawal diri dari terlalu sangat mengikut nafsu hati, mempunyai kebolehan membezakan antara yang salah dan yang benar, memahami bagaimana nilai mereka mempengaruhi kehidupan mereka, belajar bertahlil, mengatasi kerisauan tentang dosa-dosa yang dilakukan, ingin tahu membaca al-Quran, mempunyai kebolehan menerangkan dan berbincang mengenai agama mereka, perlukan maklumat orang lain mengenai tingkah laku mereka, mempelajari tingkah laku yang sesuai dengan masyarakat, memerlukan jawapan berkaitan dengan Tuhan dan inginkan kepastian mengenai keraguan dalam beberapa perkara yang berkaitan dengan agama.

Hal yang demikian turut disokong dengan dapatan kajian Tan Hong Huat (2009) yang mendapati 89 peratus daripada pelajar mempunyai keperluan yang tinggi dalam bidang perkembangan kerohanian dan moral. Begitu juga dengan kajian Huzili (1999) yang melaporkan terdapat takat keperluan yang tinggi terhadap perkhidmatan bimbingan dan kaunseling sekolah. Bidang-bidang keperluan mengikut susunan keutamaan adalah seperti berikut:

- Perkembangan kemahiran belajar;
- Perkembangan pelajaran dan vokasional;
- Perkembangan kerohanian dan moral;
- Perkembangan kerjaya; dan
- Perkembangan sosial.

Kajian yang dijalankan oleh Mohd Yusof (2000) menunjukkan faktor yang menyebabkan pelajar mendapatkan bimbingan dan kaunseling adalah untuk memperbaiki dan meningkatkan pencapaian dan kecemerlangan dalam bidang akademik, psikososial, kerjaya, kepimpinan, akhlak, aspek-aspek keagamaan, hubungan keluarga serta komunikasi menjadi impian. Mereka juga menunjukkan kecenderungan untuk menjadi pelajar yang berjaya serta melibatkan diri dalam aktiviti yang boleh membawa kepada kecemerlangan akademik.

Ringkasnya, takat keperluan bimbingan dan kaunseling pelajar-pelajar sekolah menengah di negara ini adalah tinggi. Ini bermakna khidmat bimbingan dan kaunseling amat diperlukan oleh pelajar-pelajar sekolah menengah. Kajian-kajian tersebut juga mendapati keperluan bimbingan dan kaunseling pelajar-pelajar sekolah menengah adalah berbeza-beza jantina, umur, kaum dan lain-lain. Justeru itu, GPI juga memainkan peranan yang penting dalam membantu kaunselor untuk menyelesaikan masalah para pelajar dan sekali gus mempraktikkan beberapa kaedah kaunseling Islam yang telah disarankan oleh sarjana-sarjana Islam terdahulu.

### PENDEKATAN KAUNSELING ISLAM

Islam menggalakkan umatnya agar memberi pertolongan kepada orang yang memerlukan bantuan dalam pelbagai aspek kehidupan termasuklah aspek spiritual dengan memberi bimbingan, motivasi, dan nasihat. Justeru, konsep asas kaunseling iaitu untuk memberikan pertolongan kepada orang yang memerlukan adalah tidak bercanggah dengan Islam. Menurut Abdul Kader (1990), Hasan Langgulung (1990), Kamal Abd Manaf (1995), Nik Yusri (1998), Khamariah (2005), Sapora dan Ruhaya (2008) dan Mohd Sani (2019), terdapat pelbagai pendekatan kaunseling dan psikoterapi menurut pandangan Islam. Antaranya ialah:

Jadual 1: Pendekatan Kaunseling Menurut Pandangan Islam

No	Pendekatan	Pandangan Islam
1	Bijaksana dalam menahan diri	Bijaksana meliputi sifat menahan diri dari perasaan marah, menegakkan kebenaran dengan berpandukan al-Quran dan Sunnah.
2	Nasihat yang baik	Nasihat yang baik akan membawa keinsafan dan kesedaran kepada klien ke arah kebaikan dan meninggalkan perkara yang mungkar
3	Perbincangan	Perbincangan dengan cara yang baik iaitu tidak

	yang baik	menghina dan mengaibkan klien serta menyinggung perasaan klien. Kaunselor perlu cuba memahami dan membantu dalam menyelesaikan masalah klien tersebut.
4	Penggunaan perkataan yang baik- baik	Penggunaan perkataan yang baik iaitu dengan menggunakan bahasa yang lembut dan disampaikan dengan suara yang menunjukkan bahawa kita betul-betul ikhlas dan mempunyai niat yang baik.
5	Sikap patuh kepada Allah SWT	Melahirkan sikap patuh kepada Allah ialah takwa yang dapat menjauhkan diri dari perbuatan keji dan mungkar serta mampu untuk melakukan segala amal soleh dengan hati yang ikhlas.
6	Taubat	Taubat akan mendekatkan diri seseorang dengan Allah di samping menguatkan keimanan terhadap Allah.
7	Tafakur	Tafakur ialah mengenal diri sendiri dengan mengenal Penciptanya.
8	Mengerjakan solat	Solat merupakan tiang agama yang boleh mencapai ketenangan hati, disiplin diri dan menepati masa. Ini termasuklah dapat menjalin hubungan dengan Allah.
9	Berdoa	Doa akan membantu manusia mencapai ketenangan hati kerana doa dapat membersihkan diri manusia dari dosa yang dilakukan.

Menurut Wan Hussain Azmi (1994), Nur Aini (1988) dan Ghazali Basri (1989), kaunseling Islam juga menggunakan metode secara berhikmah, kata nasihat yang baik (al- Nasihah) dan konfrontasi yang baik (al-Mujadalah). Hikmah mengandungi 11 erti iaitu keadilan, tahan marah, kenabian (sifat-sifat kenabian), perkara yang menegah kejahilan, setiap perkataan yang membetulkan dengan hak (kebenaran), meletakkan sesuatu pada tempatnya, perkataan yang betul dan tepat, perkara yang menegah kerosakan, mengetahui sebaik-baik perkara dengan sebaik-baik ilmu, al-Quran dengan hujah yang menerangkan kebenaran dan menghilangkan keraguan. Nasihat yang baik ialah kata-kata nasihat yang masuk ke dalam hati dengan halus dan mendalam, masuk ke dalam perasaan jiwa dengan lembut, bukannya dengan tengking herdik dan celaan dan tidak dengan mendedahkan kesalahan yang berlaku, kerana berlemah lembut dalam memberi nasihat itu biasanya boleh memberi petunjuk kepada hati yang sesat, menjinakkan hati yang liar, dan boleh menghasilkan natijah yang lebih baik. Konfrontasi yang baik (al-Mujadalah) pula ialah berbincang dengan seseorang atau pihak lain mengenai sesuatu perkara dengan mengemukakan hujah masing-masing. Dalam erti kata lain al-Mujadahah ini perlu didominasi lemah lembut dalam berhujah dan mengelakkan daripada kata-kata menyakitkan hati, kasar, keras, menghina, memaki dan

menghalau. Pendekatan ini adalah sebaik-baik perbincangan dengan tujuan untuk menjauhkan klien yang dinasihatkan itu daripada merasai bahawa GPI menyerang peribadi mereka yang sangat dijunjung tinggi dan mempertahankannya.

Secara umumnya, tugas sebagai kaunselor untuk memberi pertolongan kepada manusia adalah satu tugas yang mulia. Ini selari dengan tugas sebagai seorang guru yang juga untuk mendidik pelajar-pelajar menjadi insan yang baik. Seharusnya semua pendidik, khususnya GPI didedahkan dan mempunyai kemahiran yang baik dalam bidang kaunseling. GPI khususnya di sekolah sering menjadi sumber rujukan para pelajar Islam untuk menyelesaikan pelbagai masalah khususnya dalam perkara-perkara yang berkaitan pendidikan, kerohanian, keagamaan, peribadi dan kekeluargaan. Maka, GPI perlu didedahkan dengan beberapa kemahiran kaunseling supaya mereka dapat melaksanakan tugas mereka dengan lebih berkesan lagi.

## METODOLOGI KAJIAN

Menurut Ahmad Munawar dan Mohd Nor Shahizan (2018), reka bentuk penyelidikan ialah perancangan yang menentukan cara penyelidikan dijalankan untuk menemukan jawapan kepada permasalahan penyelidikan yang telah ditetapkan. Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan pendekatan kuantitatif bertujuan untuk mengetengahkan sumbangan GPI dalam amalan bimbingan dan kaunseling di sekolah menengah daerah Petaling Utama yang terdiri daripada sekolah aliran lelaki sahaja iaitu SM(L), sekolah aliran perempuan sahaja iaitu SM(P) dan sekolah menengah harian biasa iaitu SMK. Responden kajian terdiri daripada GPI yang berkhidmat di sekolah-sekolah menengah daerah Petaling Utama. Kaedah stratified random telah digunakan untuk memilih sampel kajian. Jumlah responden yang menyertai kajian ini adalah 60 orang daripada jumlah keseluruhan GPI yang berjumlah 200 orang. Menurut Mohd Najib Ghafar (1998) saiz sampel sekurang-kurangnya 30 peratus daripada keseluruhan populasi.

Instrumen soal selidik telah digunakan dalam pengumpulan data. Pengkaji menggunakan skala Likert 5 mata (skor) sebagai panduan responden dalam menjawab soal selidik yang diedarkan. Singkatan skala (STS) Sangat Tidak Setuju, (TS) Tidak Setuju, (KS) Kurang Setuju, (S) Setuju dan (SS) Sangat Setuju dijadikan sebagai penerangan kepada responden untuk memudahkan mereka menjawab soal selidik. Pengumpulan data adalah menggunakan instrumen set soal selidik dan diproses dalam perisian komputer Statistical Package for Social Science



(SPSS) version 26.0. Penganalisisan data adalah secara analisis statistik deskriptif dalam bentuk kekerapan, peratus dan min.

## HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

### **Sumbangan GPI Dalam Amalan Bimbingan Dan Kaunseling Terhadap Pelajar**

Jadual 2 menunjukkan sebanyak 8 item yang terdapat dalam instrumen soal selidik telah diedarkan kepada 60 responden. Pemboleh ubah yang dibincangkan adalah mengenai sumbangan GPI dalam amalan bimbingan dan kaunseling terhadap pelajar. Hasil kajian menunjukkan keseluruhan sumbangan GPI dalam amalan bimbingan dan kaunseling terhadap pelajar adalah tinggi (min=3.50). Sumbangan GPI dalam amalan bimbingan dan kaunseling terhadap pelajar yang paling tinggi dipersetujui oleh responden ialah dengan tahap sangat setuju 48.3 peratus (min = 4.47) (Jadual 2). Hasil kajian ini menunjukkan GPI berminat dalam memberi bimbingan dan kaunseling kepada pelajar. Sikap minat adalah salah satu faktor yang membolehkan seseorang GPI “Saya minat dalam memberi bimbingan kepada pelajar” turut terlibat dalam memberi bimbingan dan kaunseling kepada pelajar. Dapatan kajian ini turut disokong dengan dapatan kajian yang dijalankan Rosnijah dan A’dawiyah (2019) yang mendapati GPI memberi bimbingan dan kaunseling Islam juga mencatat min kedua tertinggi (55.8%) dengan min 4.48. Guru merupakan agen kepada keberkesanan sesuatu sistem pendidikan (Abd. Halim et al. 2007). Peranan guru Muslim amat besar kerana mereka diharapkan untuk memimpin, membimbing dan menitikkan adab Islam kepada para pelajar (Abd. Halim 2010). Sehubungan itu Syafiqah Solehah dan Tengku Sarina Aini (2019) menyatakan bahawa peranan GPI dalam pembinaan sahsiah pelajar perlu memiliki kemahiran yang tinggi dalam kaedah pengajaran, mahir mengaplikasikan teori pertumbuhan dan perkembangan manusia serta berupaya menjadi kaunselor yang baik kepada pelajar.

Jadual 2 Sumbangan GPI Dalam Amalan Bimbingan dan Kaunseling Terhadap Pelajar

<b>Penyataan</b>	<b>STS</b>	<b>TS</b>	<b>KS</b>	<b>S</b>	<b>SS</b>	<b>Min</b>
1. Saya minat dalam memberi bimbingan kepada pelajar	0% (0)	0% (0)	1.7% (1)	50% (30)	48.3% (29)	4.47
2. Pelajar sentiasa berjumpa saya untuk mendapatkan	1.7% (1)	1.7% (1)	18.3% (11)	55% (33)	23.3% (14)	3.97

bimbingan						
3. Saya hanya memberi bimbingan apabila pelajar berjumpa saya	13.3% (8)	25% (15)	38.3% (23)	16.7% (10)	6.7% (4)	2.78
4. Saya terlibat memberi bimbingan terhadap pelajar bukan Islam	1.7% (1)	11.7% (7)	36.7% (22)	40% (24)	10% (6)	3.45
5. Saya mempraktikkan amalan bimbingan terhadap pelajar seminggu sekali	5% (3)	10% (6)	31.7% (19)	41.7% (25)	11.7% (7)	3.45
6. Saya mempraktikkan amalan bimbingan terhadap pelajar dua minggu sekali	8.3% (5)	20% (12)	31.7% (19)	38.3% (23)	1.7% (1)	3.05
7. Saya mempraktikkan amalan bimbingan terhadap pelajar sebulan sekali	13.3% (8)	18.3% (11)	28.3% (17)	36.7% (22)	3.3% (2)	2.98
8. Pelajar lebih percaya untuk berkongsi masalah dengan guru Pendidikan Islam	1.7% (1)	6.7% (4)	15% (9)	51.7% (31)	25% (15)	3.92

Sumbangan GPI dalam amalan bimbingan dan kaunseling terhadap pelajar yang kedua tinggi dipersetujui oleh responden ialah “Pelajar sentiasa berjumpa saya untuk mendapatkan bimbingan” dengan tahap sangat setuju 23.3 peratus (min = 3.97) (Jadual 2). Ini menunjukkan bahawa GPI turut mendapat perhatian pelajar supaya mereka diberi bimbingan dan kaunseling. Peranan GPI semakin hari semakin mencabar kerana mereka bukan sekadar menyampaikan ilmu, tetapi mendidik dan membangunkan diri murid-murid mereka. Tingkah laku mereka di dalam dan di luar kelas melambangkan keunggulan mereka sebagai guru yang mudah diterima oleh murid-murid. Abd. Halim dan Mohamad Khairul (2010) menyatakan bahawa sebagai mu'allim, seorang guru perlu mendapat latihan yang cukup, ini termasuk bidang asas pendidikan seperti psikologi dan sosiologi pendidikan supaya seseorang guru itu dapat menjalankan tugas sebagai mu'allim yang profesional. Malah dapatan kajian Nur Shyahirah dan Noremy (2020) turut menunjukkan bahawa pentingnya sokongan moral daripada guru-guru dalam menangani masalah kemurungan dalam kalangan pelajar di sekolah. Ini akan membantu golongan pelajar sejahtera dari emosi dan psikologi mereka.

### **Sumbangan Guru Pendidikan Islam dalam Amalan Bimbingan dan kaunseling Terhadap Rakan Guru**

Jadual 3 menunjukkan sebanyak 6 item yang terdapat dalam instrumen soal selidik telah diedarkan kepada 60 responden. Pemboleh ubah yang dibincangkan adalah mengenai sumbangan GPI dalam amalan bimbingan dan kaunseling terhadap rakan guru.

Hasil kajian menunjukkan keseluruhan sumbangan GPI dalam amalan bimbingan dan kaunseling terhadap guru adalah tinggi (min = 4.32). Sumbangan GPI dalam amalan bimbingan dan kaunseling terhadap guru yang paling tinggi dipersetujui oleh responden ialah “Saya turut membantu guru disiplin dalam memberi bimbingan kepada pelajar yang bermasalah” dengan tahap sangat setuju 31.7 peratus (min = 4.13) (Jadual 3). Hasil kajian ini menunjukkan terdapat hubungan antara GPI dan guru yang lain dalam memberi bimbingan dan kaunseling terhadap pelajar di sekolah. Kaedah bimbingan dan kaunseling Islam merupakan cara yang terbaik untuk membantu pelajar menangani masalah yang mereka hadapi. Kaunseling merupakan satu konsep perkhidmatan pertolongan berasaskan pengabdian diri (cubudiyah) kepada Allah serta berpandukan kepada al-Quran dan al-Sunnah (Tengku Sarina & Faridah 2006). Kaunseling Islam bukan sekadar bermaksud memberi bantuan untuk menyelesaikan masalah, tetapi juga merupakan satu perkhidmatan pertolongan yang merangkumi seluruh aspek kehidupan manusia dengan berlandaskan ruang lingkup yang telah digariskan oleh Islam. Pernyataan yang kedua tinggi dipersetujui oleh responden ialah “Saya bekerjasama dengan kaunselor dalam menjalankan aktiviti bimbingan dan kaunseling di sekolah” (25.0% dengan min 4.13) (Jadual 3). Guru dalam konteks pendidikan merupakan pemimpin yang bertanggungjawab dalam memimpin serta melahirkan insan kamil yang sempurna dari segi emosi, jasmani, intelek, rohani dan sosial. Namun tanggungjawab memimpin tidak mungkin dapat dilaksanakan dengan sempurna jika guru agama khususnya tidak mempraktikkan kepimpinannya terhadap pelajar berasaskan kepada kepimpinan Islam sebagaimana yang telah ditunjukkan oleh Nabi Muhammad SAW.

Jadual 3: Sumbangan GPI dalam Amalan Bimbingan dan Kaunseling Terhadap Rakan Guru

<b>Penyataan</b>	<b>STS</b>	<b>TS</b>	<b>KS</b>	<b>S</b>	<b>SS</b>	<b>Min</b>
1. Saya bekerjasama dengan kaunselor dalam menjalankan aktiviti bimbingan dan kaunseling	0% (0)	0% (0)	11.7% (7)	63.3% (38)	25% (15)	4.13

di sekolah						
2. Kaunselor selalu rujuk kepada saya untuk membantu memberi bimbingan kepada pelajar	1.7% (1)	5% (3)	25% (15)	56.7% (34)	11.7% (7)	3.71
3. Saya turut membantu guru disiplin dalam memberi bimbingan kepada pelajar yang bermasalah	0% (0)	3.3% (2)	11.7% (7)	53.3% (32)	31.7% (19)	4.13
4. Saya selalu berbincang dengan guru akademik lain untuk memberi bimbingan kepada pelajar	1.7% (1)	1.7% (1)	5% (3)	66.7% (40)	25% (15)	4.12
5. Saya hanya memberi bimbingan berdasarkan pengalaman	6.7% (4)	10% (6)	21.7% (13)	51.7% (31)	10% (6)	3.48
6. Saya kerap rujuk bahan-bahan kaunseling untuk memberi panduan kepada rakan guru	3.3% (2)	10% (6)	18.3% (11)	55.0% (33)	13.3% (8)	3.65

Pernyataan yang ketiga tinggi dipersetujui oleh responden ialah “Saya selalu berbincang dengan guru akademik lain untuk memberi bimbingan kepada pelajar” (25% dengan min 4.12) (Jadual 3). Menurut Mohd Sani (2019) kerjasama antara GPI dan guru-guru yang lain juga dapat membantu dalam menggunakan pendekatan Islamik serta berkongsi kaedah yang betul dalam memberi bimbingan dan kaunseling terhadap pelajar. Selain itu, Habib Mat Saman (2016) berpendapat bahawa GPI juga bertindak sebagai agen pelaksana yang bertanggungjawab bagi memenuhi matlamat dan misi dasar yang diperkenalkan pihak berwajib dari masa ke semasa. Azizi Yahya dan Jaafar Sidek (2005) juga menegaskan, guru perlu memainkan peranan dan tanggungjawab yang luas, bukan setakat untuk mengajar tetapi juga mendidik. Hal ini adalah kerana personaliti mereka dapat mempengaruhi pembentukan konsep sendiri pelajar serta membantu pelajar membina konsep sendiri mereka. Tambahan pula menurut Omardin Ashaari (2002), guru turut membentuk sahsiah, sikap, nilai dan akhlak para pelajar melalui pembentukan disiplin yang baik. Dari aspek ini, peranan guru adalah penting kerana guru mempunyai hubungan yang rapat dengan pelajar yang mudah terpengaruh dengan tingkah laku serta kata-kata guru mereka.

Oleh itu, dapat dirumuskan bahawa lima pernyataan iaitu (1) “Saya minat dalam memberi bimbingan kepada pelajar”, (2) “Pelajar sentiasa berjumpa saya untuk mendapatkan bimbingan”, (3) “Saya turut membantu guru disiplin dalam memberi bimbingan kepada pelajar yang bermasalah”, (4) “Saya bekerjasama dengan kaunselor dalam menjalankan aktiviti bimbingan dan kaunseling di sekolah” dan (5) “Saya selalu berbincang dengan guru akademik lain untuk memberi bimbingan kepada pelajar” yang dikemukakan tentang sumbangan GPI dalam amalan bimbingan dan kaunseling terhadap pelajar dan rakan guru di sekolah menunjukkan minat yang tertinggi. Keterlibatan GPI dalam memberi bimbingan dan kaunseling terhadap pelajar dan rakan guru memberi pengaruh yang sangat besar. Hal ini dapat dilihat apabila GPI mempunyai minat dalam memberi kaunseling dan juga keinginan pelajar berjumpa dengan GPI untuk mendapatkan bimbingan. Malah, GPI juga memberi kerjasama sepenuhnya terhadap rakan guru lain dalam membantu menyelesaikan masalah yang dihadapi dalam setiap perkara. Oleh yang demikian, sebagai seorang GPI wajar untuk mempraktikkan setiap ilmu yang ada dalam diri mereka khususnya kaedah kaunseling Islam yang disarankan oleh sarjana-sarjana Islam terdahulu.

## KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini mendapati sumbangan GPI dalam amalan bimbingan dan kaunseling terhadap pelajar dan rakan guru di sekolah adalah berbeza-beza mengikut cara masing-masing. Malah GPI dan pelajar sendiri menyatakan kecenderungan mereka untuk memberi dan menerima nasihat yang baik boleh menghasilkan natijah yang lebih baik. Selain itu, GPI merupakan antara pihak yang mendapat kepercayaan pelajar untuk berkongsi masalah mereka berbanding guru lain, oleh itu pihak pentadbiran dan KPM perlu merancang program-program kaunseling yang turut melibatkan GPI.

Walau bagaimanapun, peranan GPI dalam memberi bimbingan dan kaunseling sama ada terhadap pelajar dan rakan guru turut mendapat tempat dalam kalangan organisasi sekolah sebagai tempat rujukan. Hal ini menggambarkan bahawa GPI juga mampu mempraktikkan amalan bimbingan dan kaunseling di sekolah dengan dapatan kajian berdasarkan pernyataan-pernyataan yang diberikan responden dalam soal selidik. Sokongan daripada pihak pentadbiran kepada GPI juga amat diperlukan untuk mempraktikkan kemahiran kaunseling kepada pelajar. Kajian ini merupakan satu usaha untuk mengkaji sejauh mana sumbangan GPI dalam amalan bimbingan dan kaunseling di sekolah. Pelbagai sumbangan yang telah diberikan oleh GPI dalam mempraktikkan kemahiran bimbingan dan

kaunseling sama ada secara langsung atau tidak langsung. Namun sumbangan dan kerjasama yang diberikan oleh GPI merupakan titik tolak untuk membuktikan GPI juga mampu melaksanakan dan turut terlibat dalam memberi dan mempraktikkan kemahiran bimbingan dan kaunseling yang mereka ketahui.

## PENGHARGAAN

Penghargaan kepada penaja Hadiyah Latihan Persekutuan (HLP), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM.BT.700-30/18/134).

## RUJUKAN

- Abdul Kader Talib. 1990. Konsep manusia dan ciri-ciri khusus kaunseling/perundingcara dalam kaunseling menurut perspektif Islam. *Kertas kerja Seminar Kebangsaan Kaunseling dalam Masyarakat Islam*. Anjuran Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia, Kuala Lumpur, 25-26 September.
- Ab. Halim Tamuri & Mohamad Khairul Azman Ajuhary. 2010. Amalan pengajaran guru pendidikan Islam berkesan berteraskan konsep mu'allim. *Journal of Islamic and Arabic Education* 2(1): 43-56.
- Ab. Halim Tamuri, Adnan Yusopp, Kamisah Osman, Shahrin Awaluddin, Zamri Abdul Rahim & Khadijah Abdul Razak. 2004. Keberkesanan kaedah pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam ke atas pembangunan diri pelajar. (Laporan Penyelidikan). Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ahmad Munawar Ismail & Mohd Nor Shahizan Ali. 2018. *Kaedah Penyelidikan Sosial daripada Perspektif Penyelidikan Pengajian Islam*. Bangi: Penerbit FPI Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Amla Salleh. 2009. *Bimbingan Dan Kaunseling Sekolah*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Aziz Salleh. 1993. *Kaunseling Islam Asas*. Kuala Lumpur: Utusan Publications.
- Ghazali Basri. 1989. Pendekatan Islam terhadap kaunseling. *Jurnal Pendidikan Islam* 2(3): 61- 70.
- Habib Mat Saman. 2016. Isu Dan Cabaran Kompetensi Guru Pendidikan Islam Dalam Menghadapi Perubahan Kurikulum di Malaysia. *Seminar Antarabangsa Pemerkasaan Pendidikan Islam (Madrasah)*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 20&21 Oktober.

- Hasan Langgulung. 1990. Kaunseling dalam masyarakat Islam. Kertas kerja Seminar Kebangsaan Kaunseling dalam Masyarakat Islam. Anjuran Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia, Kuala Lumpur, 25-26 September.
- Hassan Langgulung. 1997. *Asas-Asas Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Huzili Hussin. 1999. Keperluan bimbingan dan kaunseling pelajar di dua buah Sekolah Menengah di Kelantan. Tesis PhD. Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.
- Kamal Abd Manaf. 1995. *Kaunseling Islam Perbandingan Antara Amalan dan Teori Kaunseling Barat*. Kuala Lumpur. Utusan Publications.
- Khamariah Othman. 2005. Pendekatan bimbingan dan kaunseling Islam dalam pembentukan akhlak. Kertas kerja III Seminar Kebangsaan Kaunseling Universiti 2005. Universiti Teknologi Mara.
- Liew, Keat Ying. 2001. Counseling information on students who are reluctant to seek counseling. Tesis Sarjana Pendidikan, Universiti Malaya.
- Mohamed Ghazali Muslan. 2002. Persepsi pelajar dan kesannya terhadap personaliti kaunselor. Latihan ilmiah, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Najib Ghafar. 1998. *Penyelidikan Pendidikan*. Skudai: Penerbit UTM.
- Mohd Sani Ismail. 2019. Pendekatan Islamik implikasinya terhadap amalan kaunseling. *International Social Science and Humanities Journal* 2(4): 28-38.
- Mohd Yusof Hassan. 2000. Pelaksanaan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah menengah Sains Selangor. Laporan Praktikum Sarjana Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Muhd Mansur Abdullah. 1986. *Kaunseling Teori, Proses dan Kaedah*. Selangor: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Norazlina Zakaria. 2017. A Comparison of the recognition of Islamic and Christian counselling in Malaysia. Tesis Sarjana, Universiti Sains Malaysia.
- Nur Aini Md Yaman. 1988. Teknik-teknik kaunseling ditinjau dari perspektif Islam. Kertas kerja Seminar ke Arah Pemupukan Islam di dalam Kaunseling. Anjuran Pusat Kerjaya dan Kaunseling, Institut Teknologi Mara, Shah Alam. 2-4 Ogos.
- Nur Shyahirah Mahpis & Noremy Md Akhir. 2020. Hubungan sokongan sosial terhadap kemurungan dalam kalangan pelajar. *Jurnal wacana Sarjana* 4(2): 1-10.

- Rizal Abu Bakar. 2009. *Kaunseling Daripada Perspektif Islam Apa, Mengapa Dan Bagaimana*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd.
- Rosnijah Arolah & A'dawiyah Ismail. 2019. Peranan Guru Pendidikan Islam membentuk akhlak pelajar di Sekolah Menengah Kebangsaan Daerah Kunak Sabah. *Jurnal Al-Hikmah* 11(1): 74-87.
- Sapora Sipon & Ruhaya Hussin. 2008. *Teori Kaunseling dan Psikoterapi*. Bandar Baru Nilai Negeri Sembilan. Universiti Sains Islam Malaysia.
- Sofeah Mohamed, Kamarul Azmi Jasmi & Muhammad Azhar Zailani. 2016. Akhlak guru dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam. *Akademika* 86(2): 31-42.
- Syafiqah Solehah Ahmad & Tengku Sarina Aini Tengku Kasim. 2017. Peranan guru Pendidikan Islam dalam pembinaan sahsiah pelajar: Satu tinjauan awal terhadap guru Pendidikan Islam di daerah Marang Terengganu. *Journal of Islamic Educational Research (JIER)* 2 Special Issue: 36-53.
- Tan Hong Huat. 2009. Keperluan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di dua buah sekolah di daerah Klang. Laporan Penyelidikan. Universiti Malaya.
- Tengku Sarina Aini Tengku kasim & Faridah Che Husain. 2006. Pendekatan kaunseling dalam dakwah bagi kesejahteraan insan dan peradaban Ummah. *Jurnal Usuluddin* 23-24: 199-216.
- Yong Mohd Said. 1998. Persepsi pelajar terhadap personaliti kaunselor dalam menjalankan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di empat buah sekolah di negeri Johor. Latihan ilmiah, Universiti Teknologi Malaysia.
- Yong Gan Chok. 2003. Persepsi pelajar tingkatan dua dan empat terhadap ciri-ciri personaliti dan kemahiran guru bimbingan dan kaunseling di dua buah sekolah daerah Petaling. Kertas Projek Sarjana Pendidikan, Universiti Malaya.
- Yuseri Ahmad. 2003. Peranan pendidikan Islam dalam pengukuhan akidah di kalangan pelajar: Kajian kes di sekolah-sekolah menengah daerah Temerloh dan Kuantan. Disertasi Sarjana Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Yusfarina Mohd Yussof. 2002. Faktor yang menyumbang kepada keengganan pelajar Tingkatan 4 berjumpa kaunselor: satu kajian di sebuah sekolah. Tesis Sarjana Pendidikan, Universiti Malaya.
- Zaharah Hussin. 2005. Mendidik generasi berakhlak mulia: Fokus peranan guru Pendidikan Islam. *Masalah Pendidikan* 28(1): 79-94.



Zaiton Mohamad. 2005. Kepentingan kaunseling dalam kesejahteraan hidup. *Kertas kerja III Seminar Kebangsaan Kaunseling Universiti* 2005. Universiti Teknologi Mara.

Ruslan Hassan  
\*Corresponding author  
Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam  
Fakulti Pengajian Islam  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
Emel: ruslanhassan37@gmail.com

Dr. Farid Mat Zain  
Pensyarah Kanan  
Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam  
Fakulti Pengajian Islam,  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
Emel: farid@ukm.edu.my

Prof. Madya Dr. Kaseh Abu Bakar  
Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam  
Fakulti Pengajian Islam  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
Emel: kaseh@ukm.edu.my

Dr. Azmul Fahimi Kamaruzaman  
Pensyarah Kanan  
Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam  
Fakulti Pengajian Islam  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
Emel: azmul@ukm.edu.my